

Politik wang: Fauzi serah nama

BH - 7 April 2001
Kuantan, Ketua Umno
bahagian Kuantan, Datuk Fauzi Abdul Rahman, sudah mengemukakan semua dokumen, termasuk senarai nama orang yang didakwa terbabit dalam amalan politik wang, untuk tindakan lanjut jawatankuasa khas yang dibentuk Umno bagi menyasiat kes itu.

Dokumen dan senarai nama berkenaan diserahkan ketika beliau dipanggil memberi keterangan kepada jawatankuasa itu, semalam.

Fauzi yang dihubungi di Kuala Lumpur hari ini, enggan mengulas perkara itu, tetapi berkata beliau gembira dengan siasatan yang dijalankan setakat ini.

"Saya rasa, saya sudah cakup apa yang perlu dikatakan. Saya tidak mahu memberi sebarang ulasan mengenainya. Biarlah kenyataan hanya dikeluarkan oleh pihak yang berkuasa," katanya.

Menurut laporan hari ini, Fauzi menemui tiga anggota jawatan-

kuasa khas itu selama hampir tiga jam bermula jam 9.30 pagi di Ibu Pejabat Umno di Kuala Lumpur.

Jawatankuasa itu dianggotai tiga ahli lembaga disiplin, iaitu Tan Sri Zaki Tun Azmi yang juga pengerusi, Tan Sri Ahmad Razali Mohd Ali dan Datuk Nakhaie Ahmad.

Bagaimanapun, Nakhaie dipetik laporan itu sebagai berkata bahawa Fauzi tidak mengemukakan sebarang dokumen untuk membuktikan kesahihan dakwaannya ketika sesi soal siasat itu berlangsung. Sumber yang rapat dengan Fauzi mengesahkan dokumen itu sudah dikemukakan.

"Fauzi membawa dokumen yang diperlukan bagi membuktikan dakwaannya bahawa berlaku politik wang di bahagian Kuantan. Antara dokumen itu ialah senarai nama penerima wang sogokan bagi meraih undi, tempat wang itu diberi kepada mereka terbabit dan salinan laporan polis berhubung perkara itu.

"Hanya dokumen mengenai dakwaannya terhadap Tan Sri Mohd Khalil Yaakob tidak diberi kepada jawatankuasa khas itu kerana dalam laporan polisnya, Fauzi meminta polis menyasiat kes itu," katanya di sini hari ini.

Pada 30 Mac lalu, Fauzi menyerahkan surat peletakan jawatan sebagai Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Beserah kepada Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pahang, Datuk Seri Adnan Yaakob, dengan beberapa alasan, termasuk dirinya tidak dapat pencalonan secukupnya bagi pemilihan ketua bahagian.

Dalam surat peletakan jawatan itu, Fauzi mendakwa berlaku amalan politik wang dalam bahagian itu dan penyelewengan ketika Khalil menjadi Menteri Besar.

Berikutan dakwaan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengumumkan penubuhan segera jawatankuasa khas bagi menyasiat semua dakwaan Fauzi.